

Team Selection

Input file: **standard input**
Output file: **standard output**
Time limit: 2 seconds
Memory limit: 256 megabytes

Evirir si naga ialah seorang jurulatih pertandingan penerbangan. Ia melatih N atlet naga bernombor $0, 1, \dots, N - 1$. Bagi setiap i , atlet i mempunyai kelajuan A_i .

Evirir perlu membentuk sebuah pasukan untuk suatu pertandingan penerbangan berpasukan yang akan datang. Disebabkan peraturan yang agak janggal, pasukan tersebut mestilah terdiri daripada julat atlet yang berturutan dengan sekurang-kurangnya K orang. Dalam erti kata lain, Evirir mestilah memilih l dan r ($0 \leq l \leq r \leq N - 1$) sedemikian supaya $K \leq r - l + 1$ dan membentuk pasukan yang terdiri daripada atlet $l, l + 1, \dots, r$.

Kekuatan sesebuah pasukan ialah hasil tambah bagi kelajuan minimum dan kelajuan maksimum bagi atlet-atlet dalam pasukan tersebut. Bantu Evirir untuk membentuk pasukan dengan kekuatan yang maksimum. Jika beberapa pasukan mempunyai kekuatan maksimum tersebut, Evirir akan memilih pasukan dengan bilangan atlet yang paling besar (kerana pasukan yang besar lebih mengagumkan).

Input

Baris pertama mengandungi dua integer yang diasingkan dengan ruang, N dan K .

Baris kedua mengandungi N integer yang diasingkan dengan ruang, A_0, A_1, \dots, A_{N-1} .

Output

Katakan m ialah kekuatan maksimum bagi sesebuah pasukan, dan andaikan pasukan dengan kekuatan m terdiri daripada atlet $l, l + 1, \dots, r$. Output tiga integer yang diasingkan dengan ruang: m , l , dan r ($0 \leq l \leq r \leq N - 1$, $K \leq r - l + 1$).

Jika terdapat beberapa pasukan dengan kekuatan maksimum tersebut, output **salah satu** pasukan sedemikian dengan bilangan atlet yang paling besar.

Anda boleh mendapat markah separa jika anda memberi output kekuatan yang betul dan salah satu pasukan yang sah. Ini bermaksud, output m yang betul, dan output integer l dan r sedemikian supaya $0 \leq l \leq r \leq N - 1$ dan $K \leq r - l + 1$. Secara khususnya, anda sentiasa boleh memberi output m , 0 , $K - 1$. Lihat bahagian Pemarkahan untuk butiran pemarkahan.

Scoring

Bagi semua kes ujian, input akan memenuhi kekangan berikut:

- $1 \leq K \leq N \leq 2 \cdot 10^5$
- $1 \leq A_i \leq 10^9$ bagi semua $0 \leq i \leq N - 1$

Bagi semua subtask, jika anda output kekuatan maksimum dengan mana-mana pasukan yang sah, anda boleh mendapat 50% daripada markah subtask tersebut.

Subtask	Markah	Kekangan tambahan
1	8	$K = 1$
2	10	$N \leq 5000$
3	14	$A_i \leq 2$ bagi semua $0 \leq i \leq N - 1$
4	26	$A_i \leq 20$ bagi semua $0 \leq i \leq N - 1$
5	10	$A_i \leq 50$ bagi semua $0 \leq i \leq N - 1$
6	32	—

Examples

standard input	standard output
9 3 1 2 3 3 4 3 1 5 2	7 2 5
5 2 2 2 1 2 2	4 0 1
2 1 6 7	14 1 1

Note

Contoh 1

Contoh ini sah untuk subtask 2, 4, 5, dan 6.

Terdapat $N = 9$ atlet dan Evirir mesti memilih pasukan dengan sekurang-kurangnya $K = 3$ atlet. Salah satu pasukan yang optimum ialah $l = 2$ dan $r = 5$, dengan kelajuan atlet-atletnya ialah 3, 3, 4, dan 3. Kelajuan minimum ialah 3 dan kelajuan maksimum ialah 4, maka kekuatan pasukan ini ialah $3 + 4 = 7$. Oleh itu, outputnya ialah 7 2 5.

Berikut ialah beberapa output lain dan keputusannya.

Output	Markah	Penjelasan
7 7 8	0%	Pasukan mempunyai kurang daripada 3 atlet.
4 0 2	0%	Kekuatan pasukan bukan maksimum yang mungkin.
7 0 2	50%	Kekuatan pasukan adalah betul, walaupun output pasukan adalah tidak betul.
7 2 4	50%	Untuk mendapat markah penuh, saiz pasukan mestilah paling besar yang mungkin.

Contoh 2

Contoh ini sah untuk subtask 2, 3, 4, 5, dan 6.

Perhatikan bahawa output 4 3 4 juga akan mendapat markah penuh kerana pasukan tersebut juga mempunyai kekuatan maksimum 4 dan bilangan atlet maksimum iaitu 2.

Contoh 3

Contoh ini sah untuk subtask 1, 2, 4, 5, dan 6.

Jika pasukan itu hanya terdiri daripada seorang atlet, kekuatan pasukan itu adalah dua kali ganda kelajuan atlet tersebut kerana kedua-dua kelajuan minimum dan kelajuan maksimum dalam pasukan dimiliki oleh atlet yang sama.